



Dr M angkat martabat wanita

BH 31/10/2003 - 23 PRECISE

Oleh Fadzlena Jafar

SEPANJANG 22 tahun menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin tidak banyak memperkatakan secara khusus perancangan untuk wanita Malaysia.

Namun, pada hakikatnya, sama ada kita sedar atau tidak, sebenarnya begitu banyak sumbangan beliau kepada pembangunan wanita negara.

Antaranya, penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang diumumkan pada 2000, sekali gus membuktikan keprihatinan Perdana

Menteri mengenai permasalahan wanita negara ini.

Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan wanita kini mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi bersama lelaki dalam agenda pembangunan negara. Kita bangga dengan beberapa wanita seperti Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

yang cukup disegani pada peringkat antarabangsa dan tentu sekali isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang banyak memberikan pandangan dan cadangan bagi meningkatkan status wanita Malaysia.

Kini, wanita negara ini bukan sekadar keluar dari kepompong yang membelenggu fungsi dan pemikiran mereka sejak sekian lama, bahkan bergerak maju seiring kemajuan negara dalam era pembangunan global

Presiden Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, Datuk Asiah Abu Samah, berkata kemajuan wanita di Malaysia jelas menunjukkan peningkatan memberangsangkan sejak dua dekad kebelakangan ini terutama dengan lahirnya beberapa nama besar yang menjadi peneraju dalam pelbagai sektor dan bidang. "Mungkin perkembangan wanita ne-

gara ini agak sama sekiranya orang lain yang menjadi Perdana Menteri. Tetapi kita tidak boleh nafikan, Dr Mahathir banyak memberi pengiktirafan kepada wanita Malaysia terutama dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 2000.

"Nyatalah, ketika beliau menjadi Perdana Menteri, beliau tidak heboh mengenai perancangan untuk membantu wanita, tetapi kebanyakan dasar kerajaan banyak membantu wanita dalam pelbagai bidang," katanya.

Sebenarnya jika dilihat kejayaan wanita Malaysia hari ini adalah hasil kestabilan politik yang membantu mening-

katkan ekonomi negara, sekali gus memberi banyak peluang pekerjaan kepada wanita. Dianggarkan jumlah wanita yang terbabit dalam sektor pekerjaan di negara ini mencecah 45 peratus tetapi sebahagian besar daripada jumlah itu bukan melibatkan mereka yang memegang jawatan penting.

Bagaimanapun, hari ini kita boleh berbangga kerana sudah ramai wanita yang terbabit dalam pelbagai bidang yang satu ketika dulu dianggap 'tidak sesuai' untuk diceburi seperti kejuruteraan, kehakiman, kewangan dan pengurusan.

Nama seperti Profesor Datuk Dr Mazlan Othman, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Dr Zaha Rina dan Datuk Maznah Abdul Jalil (sekadar menyebut beberapa nama) yang dipilih menerajui syarikat atau agensi dalam bidang masing-masing membuktikan wanita bukan diangkat sekadar memenuhi kekosongan yang ada, sebaliknya kerana memiliki kepakaran dan kemahiran tersendiri.

Prof Mazlan, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara pernah meletakkan Malaysia dalam peta dunia menerusi

bidang sains angkasa yang begitu asing bagi masyarakat negara ini apabila dilantik mengetuai Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Kajian Angkasa, di Vienna. Begitu juga dengan Profesor Datuk Siti Zuraina Abdul Majid, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia yang mengharumkan nama negara dalam bidang arkeologi.

Malah, pemilihan Dr Zeti sebagai Gabenor Bank Negara juga bukan satu ketetulan kerana baru-baru ini beliau diiktiraf pada peringkat Asia sebagai Gabenor Bank terbaik. Dari satu sudut, pelantikan Dr Zeti bagaikan mempunyai maksud tersirat apabila kawalan

kewangan negara dipegang seorang wanita, sekali gus mengiktiraf fungsi wanita yang selama ini menjadi pemegang kewangan dalam sesebuah keluarga.

Dalam bidang pendidikan pula, wanita sudah jauh ke depan dengan menyandang pelbagai jawatan pen-

ting seperti Ketua Pengarah Pendidikan, pengetua dan dekan fakulti.

Malah, paling membanggakan laporan statistik terbaru menunjukkan jumlah wanita yang diterima masuk ke institusi pengajian tinggi adalah lebih 60 peratus berbanding pelajar lelaki. Keadaan itu membuktikan wanita hari ini mempunyai kesedaran untuk memperbaiki diri dan tidak mahu lagi ketinggalan dalam pembangunan sejagat.

Bagaimanapun, kata Asmah, kita tidak boleh hanya berbangga dengan kejayaan itu kerana secara umumnya, jumlah wanita yang terbabit dalam membuat dasar dalam pelbagai aspek masih belum mencukupi 30 peratus seperti yang ditetapkan dalam Persidangan Beijing 1995. Pada persidangan itu, Malaysia ada-

lah antara negara yang menyetujui Deklarasi Beijing dan Pelan Tindakan yang dicapai, antara deklarasi itu ialah menggesa kerajaan dan swasta melipat gandakan usaha memastikan penyer-taan wanita dalam semua sektor, terutama di peringkat pembuat keputusan.

Namun, tidak dapat dinafikan sehingga hari ini kuota 30 peratus yang disasarkan wanita sebagai pembuat dasar itu masih belum dicapai terutama dalam bidang politik dan perkhidmatan awam.

Pada masa ini, daripada 29 orang bertaraf Menteri, hanya ada tiga wanita dalam Kabinet negara kita, seorang

Timbalan Menteri (daripada 30) dan empat orang Setia-usaha Parlimen (daripada 16). Di Dewan Rakyat kini hanya 12 orang ahli Parlimen wanita (lapan penyokong kerajaan dan empat pembangkang).

"Saya gembira dengan pembangunan wanita Malaysia ketika ini, tetapi saya berpendapat kita masih jauh lagi untuk mencapai jumlah 30 peratus

itu kerana pada masa ini tidak sampai separuh pun (daripada jumlah itu) adalah wanita.

"Keadaan ini bukan disebabkan tiada wanita berkebolehan, tetapi belum diberi peluang. Jadi, hakikatnya masih ada ruang boleh diperbaiki," katanya.

Namun, jika direnung kembali wanita Malaysia hari ini sebenarnya sudah jauh berubah selepas 46 tahun mengecapi kemerdekaan. Walaupun ada berpendapat mungkin keadaan sama dapat dilihat sekiranya jawatan Perdana Menteri dipegang insan lain, tidak dapat dinafikan insan berjiwa besar dari negara kecil ini banyak menyumbang kepada peningkatan status wanita Malaysia. Terima kasih Dr Mahathir.



Dr Mazlan Othman



Dr Zeti Akhtar Aziz



Asiah Abu Samah



■ Apa yang jelas ketiadaan Dr Mahathir dalam Kabinet akan dirasai, namun begitu Umno tidak akan kehilangan Dr Mahathir. Beliau sudah menyatakan akan bersama-sama dengan Umno dan dengan begitu kita tidaklah kehilangan beliau dalam arena politik

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz



■ Dr Mahathir seorang yang bijak, berpandangan jauh, tegas dan pejuang bangsa sebenar yang saya jadikan pedoman dalam politik dan kerjaya saya

Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said